

# PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI PEMBIMBING BERKESAN: PEMAHAMAN TERHADAP KEPERLUAN PELAJAR, KESEDIAAN DAN CABARAN

## *THE ROLE OF ISLAMIC EDUCATION TEACHERS AS EFFECTIVE GUIDANCE COUNSELORS: UNDERSTANDING STUDENTS' NEEDS, READINESS, AND CHALLENGES*

Syafiqah Solehah Binti Ahmad<sup>1</sup>  
Tengku Sarina Aini Binti Tengku Kasim<sup>2\*</sup>  
Syed Mohammad Hilmi Bin Syed Abdul Rahman<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
(Email: ahmadrhudua@gmail.com)

<sup>2</sup> Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
(Email: tgsarina@um.edu.my)

<sup>3</sup> Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya  
(Email: smhilmi@um.edu.my)

\*Correspondence email: tgsarina@um.edu.my

### Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

### To cite this document:

Ahmad, S. S., Tengku Kasim, T. S. A., & Syed Abdul Rahman, S. M. H. (2025). Peranan guru pendidikan islam sebagai pembimbing berkesan: Pemahaman terhadap keperluan pelajar, kesediaan dan cabaran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 323 - 328.

**Abstrak:** Dewasa ini, lahirnya pelbagai isu mengenai akhlak pelajar di sekolah yang telah mendatangkan impak negatif terhadap peranan Guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti pandangan tentang peranan Guru Pendidikan Islam sebagai guru kaunselor atau guru pembimbing di sekolah. Dalam konteks Pendidikan Islam, guru tidak hanya berfungsi sebagai pengajar, tetapi juga sebagai kaunselor yang membimbing pelajar dalam pembinaan diri sama ada dalam aspek spiritual, tingkah laku mahupun emosi. Kajian literatur telah dijalankan bagi mengenal pasti latar belakang isu dan permasalahan kajian berkaitan peranan Guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing. Kaedah kajian secara kualitatif turut dijalankan dan data telah dikumpulkan melalui temu bual yang melibatkan beberapa orang Guru Pendidikan Islam. Hasil kajian menunjukkan bahawa peranan Guru Pendidikan Islam amat penting dalam membantu pelajar meningkatkan nilai spiritual, emosi dan tingkah laku mereka. Selain itu, kajian ini juga mendedahkan beberapa bentuk cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pembimbing. Artikel ini juga turut menggariskan beberapa cadangan untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan bimbingan yang diberikan. Implikasi kajian ini menekankan betapa pentingnya penglibatan Guru Pendidikan Islam yang berkesan dalam pengajaran serta peranan sebagai pembimbing yang mempunyai kemahiran kaunseling untuk pembangunan diri pelajar secara holistik termasuk pembangunan akhlak.

**Kata Kunci:** Guru Pendidikan Islam, Pembimbing Berkesan, Kaunseling dan Bimbingan, Cabaran dan Kesediaan, Pembangunan Akhlak Pelajar

**Abstract:** *Nowadays, various issues concerning students' morals in schools have brought negative impacts on the role of Islamic Education Teachers as guidance counsellors. Therefore, this study aims to examine perspectives on the role of Islamic Education Teachers as counsellors or guidance teachers in schools. In the context of Islamic Education, teachers do not only function as instructors but also as counsellors who guide students in self-development, whether in spiritual, behavioral, or emotional aspects. A literature review was conducted to identify the background of issues and problems related to the role of Islamic Education Teachers as guidance counsellors. A qualitative research method was also employed, and data were collected through interviews involving several Islamic Education Teachers. The findings indicate that the role of Islamic Education Teachers is very important in helping students improve their spiritual values, emotions, and behavior. Furthermore, this study reveals several challenges faced by Islamic Education Teachers in carrying out their roles as counsellors. This article also outlines several recommendations to enhance the effectiveness of the teaching and guidance processes provided. The implications of this study emphasize the importance of effective involvement of Islamic Education Teachers in teaching as well as in their role as counsellors equipped with counselling skills for the holistic development of students, including moral development.*

**Keywords:** *Islamic Education Teacher, Effective Guidance, Counselling and Guidance, Challenges and Readiness, Student Moral Development*

## Pengenalan

Dewasa ini, masalah berkaitan kerosakan akhlak dan sahsiah dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan pelbagai pihak termasuk warga sekolah, ibu bapa, masyarakat, dan pihak berkuasa. Kesan daripada era globalisasi yang pesat telah mewujudkan ketidakseimbangan dalam perkembangan emosi dan rohani remaja, yang akhirnya menyumbang kepada gejala sosial, kesihatan mental, salah laku disiplin dan jenayah dalam kalangan pelajar. Statistik menunjukkan golongan remaja di Malaysia membentuk peratusan yang besar daripada keseluruhan populasi, sekaligus menjadi indikator penting terhadap masa depan negara. Justeru itu, keperluan terhadap usaha membendung kemerosotan akhlak dan membina keperibadian pelajar yang unggul menjadi semakin mendesak.

Walaupun pelbagai program intervensi telah dijalankan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), keberkesanannya masih dipersoalkan berikutan berlakunya peningkatan kes salah laku pelajar saban tahun. Hal ini mencerminkan wujudnya jurang antara dasar dan pelaksanaan, serta perlunya pendekatan yang lebih dekat dengan jiwa pelajar. Justeru, pendekatan yang bersifat spiritual dan nilai-nilai agama juga perlu diberi perhatian sebagai asas pembentukan jati diri yang kukuh.

Selain itu, penekanan aspek akademik sahaja dilihat tidak mencukupi dalam menangani isu sahsiah pelajar. Tanpa pengukuhan nilai moral dan spiritual, pelajar cenderung hilang arah dalam membuat keputusan yang betul apabila berhadapan dengan pengaruh negatif luar. Oleh itu, guru yang berperanan sebagai 'murabbi' atau pembimbing rohani harus diberi ruang yang

lebih luas untuk memainkan peranan mereka secara strategik dan berkesan dalam sistem pendidikan.

Dalam konteks ini, Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai penyampai ilmu, bahkan sebagai pembimbing dan kaunselor yang membantu pelajar membina jati diri berlandaskan nilai-nilai murni Islam. Pendidikan Islam berfungsi untuk mendidik akal, jasmani, rohani dan emosi pelajar secara seimbang, selain mempersiapkan mereka menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Guru Pendidikan Islam dilihat sebagai individu yang berautoriti dalam membimbing aspek spiritual, moral dan emosi pelajar, dengan pendekatan yang lebih bersepadu dan holistik. Justeru, bimbingan yang diberikan oleh guru dapat membantu pelajar menghadapi cabaran semasa, mengurus tekanan emosi serta membentuk akhlak yang terpuji.

Berdasarkan keperluan ini, kajian ini dijalankan untuk meneliti peranan Guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing berkesan di sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual untuk mendapatkan dapatan secara mendalam berkaitan pengalaman, cabaran, kesediaan serta kefahaman guru terhadap keperluan pelajar masa kini. Selain mendedahkan bentuk-bentuk cabaran yang dihadapi guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan peranan sebagai pembimbing, artikel ini juga menggariskan beberapa cadangan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan bimbingan yang diberikan, demi melahirkan pelajar yang seimbang dari sudut akademik, emosi, sahsiah dan spiritual.

### **Latar Belakang Kajian**

Golongan remaja di Malaysia merupakan kelompok yang besar dalam masyarakat. Statistik menunjukkan bahawa terdapat seramai 11.5 juta remaja berusia antara 10 hingga 25 tahun, merangkumi 41.5 peratus daripada keseluruhan penduduk Malaysia. Manakala, pada tahun 2023, bilangan kanak-kanak dan remaja berusia 18 tahun ke bawah direkodkan sebanyak 9.13 juta orang. Dengan jumlah yang besar ini, tidak dapat dinafikan bahawa golongan remaja berpotensi memberi pengaruh besar terhadap corak kehidupan bermasyarakat dan menjadi cerminan kepada generasi masa hadapan (Bernama, 2025).

Dalam masa yang sama, fenomena globalisasi yang berlaku sejak dulu telah mencetuskan pelbagai trend dan paradigma kehidupan baharu yang kini menjadi perkara biasa dalam masyarakat, mempengaruhi cara dan gaya hidup mereka melalui pelbagai medium yang boleh memberi kesan positif atau negatif bergantung kepada situasinya. Seiring dengan perkembangan ini, masalah sosial dalam kalangan pelajar semakin membimbangkan dengan adanya peningkatan pelbagai isu sosial yang menjadi bualan ramai (Syafiqah Solehah, 2021).

Isu berkaitan kerosakan akhlak dan sahsiah remaja sering menjadi perhatian serius dalam kalangan pelbagai pihak sejak sekian lama. Oleh itu, permasalahan ketandusan akhlak ini menuntut kerjasama menyeluruh daripada semua pihak untuk membendunginya secara lebih berkesan, selain memerlukan usaha berterusan dalam meningkatkan potensi remaja serta mengembangkan keperibadian mereka ke arah yang lebih positif (Ahmad Fazullah, 2007). Tan Sri Lee Lam Thye, Naib Pengerusi Kanan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia, menyatakan bahawa kadar kesalahan jenayah dalam kalangan remaja, khususnya pelajar, berada pada tahap yang membimbangkan dan memerlukan tindakan pencegahan yang lebih efektif (Muhammad Apendy Issahak, 2019).

Selain itu, pada tahun 2023, kadar masalah kesihatan mental dalam kalangan remaja didapati semakin meningkat, dengan satu daripada lima remaja mengalami gejala kemurungan (Maisarah, 2023). Di samping itu, Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa, menyatakan bahawa stigma dan diskriminasi terhadap kesihatan mental menjadi cabaran utama dalam mendapatkan rawatan yang berkesan. Oleh itu, persepsi negatif perlu dihapuskan, dan sokongan daripada keluarga, masyarakat serta badan bukan kerajaan sangat diperlukan untuk membantu dan membimbing remaja. Semua pihak perlu berganding bahu dalam usaha ini.

Tambahan pula, pendedahan tanpa batas kepada budaya luar serta perubahan sosial yang pesat telah melemahkan jati diri remaja serta mencetuskan ketidakseimbangan emosi dan rohani, sekaligus meningkatkan keperluan kepada bimbingan yang berterusan. (John Power, 2012). Ini menunjukkan bahawa pelbagai cabaran dalam konteks sosial dan budaya turut menyumbang kepada kerosakan akhlak dan rohani dalam kalangan masyarakat. Menurut Haja Mydin, Azman Azwan dan Nor Hafizah (2019), dalam masa yang sama, realiti semasa menunjukkan bahawa intervensi sedia ada belum cukup menyentuh akar permasalahan, khususnya dari sudut nilai spiritual dan pembangunan sahsiah dalaman individu khususnya remaja. Banyak pendekatan masih bersifat luaran dan sementara, tanpa memberi fokus kepada transformasi jangka panjang dalam diri remaja. Dalam hal ini, menurut Mariam, et al. (2023), Pendidikan Islam dilihat sebagai elemen kritikal yang mampu menjadi medium pemulihan rohani dan emosi remaja, tetapi peranannya sering kali dipinggirkan atau dipandang sebelah mata dalam strategi pembangunan pelajar secara menyeluruh.

Tambahan pula, sistem pendidikan arus perdana masih lebih menekankan pencapaian akademik berbanding pembangunan nilai. Hal ini menyebabkan guru Pendidikan Islam berhadapan cabaran berganda, iaitu memenuhi keperluan kurikulum sambil menangani isu-isu sahsiah pelajar yang semakin kompleks. Maka, perlunya penilaian semula terhadap pendekatan yang digunakan bagi memastikan ia benar-benar menyokong pembentukan pelajar secara holistik, bukan sekadar dari aspek kognitif tetapi juga afektif dan spiritual.

Sehubungan itu, didikan agama di sekolah menjadi sangat penting dalam membentuk nilai, sahsiah, serta ketahanan diri pelajar menghadapi cabaran semasa. Hal ini juga kerana guru mempunyai pengaruh yang besar terhadap pelajar memandangkan mereka menghabiskan lebih banyak masa di sekolah berbanding bersama ibu bapa, rakan atau komuniti. Sekaligus, menunjukkan bahawa peranan sekolah dan guru dalam membentuk pelajar amat signifikan dan keberkesanan didikan guru tidak seharusnya dipandang remeh (John Power, 2012).

Ia selari dengan pandangan Abdul Halim (1991) yang menjelaskan bahawa guru memainkan peranan penting sebagai agen dalam menjayakan sesuatu sistem pendidikan. Walaupun sistem pendidikan dirancang dengan baik dan teratur, matlamatnya sukar dicapai sekiranya guru tidak menjalankan tugas dengan efektif. Ini disebabkan kejayaan dan keberkesanan pendidikan sangat bergantung kepada tahap tanggungjawab, kemahiran, pengetahuan, serta keperibadian dan integriti yang dimiliki oleh guru itu sendiri. Menurut Diyah Armenia, Mulyanto dan Yetty Faridatul Ulfa (2023), guru Pendidikan Islam bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu agama, tetapi juga perlu berperanan sebagai pembimbing yang membentuk sahsiah dan akhlak pelajar.

Menurut Abdul Halim (2004) lagi, Pendidikan Islam berperanan sebagai satu proses yang mendidik dan membentuk akal, jasmani, rohani, serta emosi manusia, di samping mempersiapkan individu untuk menjalankan tanggungjawab sebagai hamba Allah. Selain itu,

Pendidikan Islam turut merangkumi proses bimbingan dan didikan yang bertujuan membentuk insan Muslim sebagaimana yang dituntut dalam ajaran Islam. Sehubungan itu, Guru Pendidikan Islam memainkan peranan utama dalam membimbing remaja dengan memastikan mereka berkembang secara holistik berlandaskan prinsip Islam. Peranan mereka juga amat penting dalam usaha membendung gejala sosial dan salah laku dalam kalangan pelajar, sekaligus melahirkan generasi muda yang berintegriti dan bertanggungjawab. Untuk itu, Guru Pendidikan Islam perlu mempunyai pemahaman mendalam tentang keperluan emosi, rohani, dan akademik pelajar, serta bersedia dengan kemahiran pedagogi, komunikasi berkesan, pengurusan kelas, dan bimbingan kaunseling yang tepat, di samping memahami cabaran semasa yang bakal dihadapi dalam mendidik remaja masa kini.

### **Metodologi Kajian**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif sebagai dengan menjadikan kaedah temu bual separa berstruktur sebagai teknik pengumpulan data utama, manakala kajian literatur turut digunakan untuk memperkukuh perbincangan kajian dan kefahaman terhadap topik kajian.

Temu bual dijalankan bersama lima orang guru Pendidikan Islam yang masing-masing mempunyai pengalaman lebih daripada 10 tahun dalam bidang pengajaran di sekolah menengah. Guru-guru ini dipilih secara bertujuan (*purposive sampling*) berdasarkan penglibatan mereka dalam membimbing pelajar dari aspek sahsiah dan nilai Islam, serta pengalaman berkhidmat di pelbagai persekitaran sekolah sama ada di bandar mahupun luar bandar. Temu bual ini dilaksanakan secara bersemuka dengan soalan yang dibangunkan berdasarkan tema utama kajian seperti cabaran dalam membimbing pelajar, persediaan dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh guru, pendekatan bimbingan yang digunakan, serta pemahaman guru terhadap keperluan emosi dan rohani pelajar. Semua temu bual telah dirakam dengan kebenaran informan dan ditranskripsikan sepenuhnya untuk tujuan analisis.

Dalam masa yang sama, kajian literatur dijalankan bagi memahami kerangka teori dan dapatan kajian berkaitan isu kerosakan akhlak, kesihatan mental, peranan guru Pendidikan Islam serta pendekatan bimbingan dalam konteks pendidikan Islam. Data dikumpulkan melalui pelbagai sumber penulisan dan artikel dari carian internet serta penyelidikan perpustakaan. Sumber-sumber yang digunakan termasuk jurnal akademik, buku, kertas kerja seminar, dan bahan-bahan relevan yang berkaitan dengan topik yang dikaji. Dapatan daripada kajian literatur ini menjadi asas penting dalam membentuk objektif kajian, membantu menyokong dan melengkapkan penemuan daripada temu bual serta mengenal pasti jurang yang masih belum diterokai secara menyeluruh, terutamanya berkaitan persepsi dan pengalaman sebenar Guru Pendidikan Islam dalam memainkan peranan sebagai pembimbing Islam di sekolah.

Melalui kombinasi kedua-dua kaedah ini, kajian dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh dan mendalam tentang realiti dan keperluan semasa dalam usaha membimbing remaja melalui peranan guru Pendidikan Islam.

### **Pemahaman Terhadap Peranan Guru Pendidikan Islam sebagai Pembimbing Berkesan**

Pendidikan Islam ialah proses yang melibatkan berlakunya bimbingan dan didikan bagi membentuk individu Muslim yang dituntut selari dengan ajaran Islam (Abdul Halim, 2004). Di peringkat kerajaan, pelbagai usaha telah dirangka dan dilaksanakan bagi memastikan prestasi guru di Malaysia berada di tahap yang memuaskan untuk memastikan lahirnya masyarakat yang dapat meneraju generasi pada masa hadapan hasil didikan dan bimbingan para

pendidikKewujudan Standard Guru Malaysia 2.0 menjadi bukti nyata betapa profesion keguruan menuntut keunggulan dalam pelbagai dimensi. Dokumen penting ini menggariskan empat domain utama yang mencerminkan kompetensi seorang pendidik abad ke-21 dalam penguasaan ilmu, keberkesanan instruksional, kualiti peribadi yang terpuji, serta keterlibatan aktif dengan komuniti. Tambahan pula, SGM turut menegaskan empat teras etika keguruan yang harus dihayati sepenuh jiwa: tanggungjawab terhadap profesion, murid, ibu bapa atau penjaga, serta masyarakat dan negara, sekali gus memperkukuh kedudukan guru sebagai agen pembentukan generasi masa depan.( Standard Guru Malaysia, 2009).

Ini jelas menunjukkan bahawa, guru ialah ahli profesional yang memikul amanah besar dalam bidang pendidikan dan bertanggungjawab melaksanakan pelbagai tugas sekaligus seperti mendidik, membimbing, mengajar, melatih, mengarah, menilai serta membantu menyelesaikan masalah pelajar. Justeru itu, layaklah guru dianggap sebagai mursyid, iaitu individu yang membimbing ke arah jalan kebenaran(Agung Setiyawan, 2017).

Bagi mencapai matlamat ini, Menurut Nadhirah, Shahlan dan Saemah (2024), guru tidak hanya memberi fokus kepada peningkatan pencapaian akademik semata-mata, tetapi turut perlu menumpukan perhatian kepada pembangunan kemahiran daya tahan dalam kalangan pelajar. Langkah ini penting untuk memastikan prestasi pelajar dalam jangka masa pendek dan panjang. Dalam situasi yang mencabar ini, guru perlu mencari pendekatan yang lebih holistik dalam usaha memotivasikan pelajar serta menyokong kesihatan mental dan kesejahteraan mereka.

*“Kadang-kadang, saya saja je panggil nama pelajar dan minta dia tolong saya. Contohnya, saya panggil Ahmad untuk minta tolong dia pasang projector. Sebenarnya saya boleh pasang sendiri tapi saya nak rapatkan hubungan dengan pelajar dan cuba buat dia rasa dihargai. Jadi selepas dia tolong saya pasang, saya akan bagitahu ‘Pandai awak ni.’ Ini boleh meningkatkan motivasi Ahmad dan pelajar lain.”*

Dapatan ini menunjukkan bahawa guru boleh meningkatkan motivasi pelajar melalui pendekatan yang kreatif dan bersifat mesra. Tindakan guru yang sengaja melibatkan pelajar dalam tugas mudah memberi ruang kepada pelajar untuk merasa dihargai dan diiktiraf. Pujian yang diberikan secara spontan selepas tugas kecil tersebut juga mampu menyuntik semangat dan keyakinan dalam diri pelajar. Pendekatan seperti ini bukan sahaja memberi kesan kepada pelajar yang terlibat secara langsung, malah turut memberi impak positif kepada rakan sekelas yang lain dalam mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih bermotivasi dan menyenangkan di sekolah. Tindakan guru ini merupakan permulaan yang strategik untuk mewujudkan suasana selesa bagi pelajar, sekali gus membuka ruang agar mereka tidak berasa segan untuk meluahkan masalah atau berkongsi kebimbangan apabila diperlukan.

Menurut Hazvanie dan Norzaini (2021), wujud hubungan positif antara kesihatan mental dengan motivasi pelajar. Kajian turut mendapati bahawa pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi cenderung memiliki tahap kesihatan mental yang lebih baik. Kesihatan mental yang baik dapat membantu pelajar untuk lebih fokus terhadap pembelajaran. Ini menunjukkan peranan guru sebagai pembimbing bukan sahaja terbatas kepada aspek akademik, malah merangkumi pelbagai dimensi penting dalam pembangunan diri pelajar secara holistik. Guru bertanggungjawab memastikan pelajar bukan sekadar cemerlang dalam peperiksaan, malah mampu memahami dan mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan sebenar termasuk diri guru itu sendiri.

*“Kalau boleh kita jadi cikgu ni kita didik diri kita juga. Kita kena sentiasa ingat kita ni seorang cikgu dan orang tengok kita dan menilai kita terutamanya Guru Pendidikan Islam. Yang penting kita ingat. Jika kita nak orang jadikan kita sebagai role model, kita kena ingat contoh kita Rasulullah S.A.W. Itulah perkara yang penting juga yang kita ingatkan kepada pelajar, contoh mereka yang terbaik adalah Rasulullah S.A.W.”*

Dapatan ini menunjukkan bahawa proses menjadi seorang pembimbing yang berkesan bermula dengan usaha mendidik diri sendiri. Guru Pendidikan Islam perlu sentiasa menyedari bahawa mereka bukan sekadar penyampai ilmu, tetapi juga menjadi perhatian dan penilaian masyarakat, khususnya pelajar yang menjadikan mereka sebagai cerminan akhlak dan nilai. Justeru, persediaan seorang guru sebagai pembimbing bukan hanya melibatkan penguasaan ilmu dan kemahiran, tetapi turut merangkumi kesedaran dalaman untuk mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W. sebagai model terbaik. Sikap ini bukan sahaja memperkukuh kredibiliti guru di mata pelajar, tetapi turut membimbing pelajar agar menjadikan Rasulullah S.A.W. sebagai teladan utama dalam kehidupan mereka

Sehubungan itu, peranan Guru Pendidikan Islam tidak dapat disangkal lagi kerana mereka merupakan individu yang mempunyai imej sebagai pembina jati diri sebagai seorang Muslim di samping mempunyai hubungan yang rapat dengan para pelajar (Omardin, 2002). Justeru itu, guru perlu memainkan peranan penting dalam pendidikan akhlak dan pembentukan sahsiah pelajar melalui bimbingan yang berterusan. Melalui pendekatan yang berasaskan nilai-nilai Islam yang diajar oleh Rasulullah S.A.W., Guru Pendidikan Islam perlu bersedia membimbing pelajar untuk mengamalkan akhlak terpuji dalam kehidupan seharian dengan menjadikan diri mereka sebagai contoh. (Syafiqah Solehah & Tengku Sarina Aini, 2017). Pendidikan akhlak ini sangat penting dalam membentuk pelajar menjadi insan yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga beradab dan bertanggungjawab terhadap diri sendiri, masyarakat dan negara.

Dalam aspek kerohanian juga, menurut Azizi Yahya dan Jaafar Sidek (2005), guru berperanan membentuk sahsiah, sikap, nilai, rohani, mental dan akhlak pelajar melalui penerapan yang baik. Guru yang berkesan mampu memainkan peranan dalam membimbing pelajar mendekati diri kepada Allah melalui ibadah, penghayatan nilai spiritual dan pembentukan jiwa yang tenang. Ini penting bagi melahirkan individu yang seimbang antara keperluan duniawi dan ukhrawi.

Di samping itu, peranan Guru Pendidikan Islam secara langsung dalam menyokong kesihatan mental pelajar juga semakin penting pada era globalisasi ini. Guru perlu peka terhadap tekanan emosi dan masalah sosial yang dihadapi pelajar, serta membimbing mereka dengan pendekatan bimbingan dan kaunseling yang berkesan selari dengan tuntutan agama Islam dan nilai-nilai murni yang diajarkan dalam Islam. Menurut Norhafizah (2018), kapasiti iman, ibadah dan tasawuf mempunyai nilai spiritual yang berkait rapat dengan kandungan Al- Quran dan As-Sunnah dan boleh dijadikan metode untuk pengurusan emosi dan rohani. Melalui pengajaran yang berteraskan agama, guru dapat membimbing pelajar untuk mengenali diri mereka dengan lebih baik, membina ketahanan mental dan emosi, serta mengamalkan cara hidup yang positif dan seimbang bagi memastikan pelajar dapat berkembang bukan sahaja dalam aspek akademik tetapi juga dalam pembangunan diri yang holistik.

Dengan demikian, untuk menjadi pembimbing yang efektif, guru Pendidikan Islam perlu menguasai pendekatan dan kemahiran kaunseling yang sesuai agar dapat memahami pelajar

dengan lebih mendalam dan membantu mereka menangani masalah spiritual, emosi, dan sosial secara berkesan. Namun, dalam menjalankan peranan ini, terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru, termasuk kesediaan dan pemahaman terhadap keperluan pelajar yang semakin kompleks di era globalisasi ini. Oleh itu, penting untuk penelitian terhadap cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Guru Pendidikan Islam dalam melaksanakan tugas ini, serta memastikan mereka dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk memenuhi keperluan pelajar secara holistik.

### **Kesediaan dan Cabaran Guru Pendidikan Islam**

Untuk melaksanakan peranan sebagai pembimbing yang berkesan, guru Pendidikan Islam perlu membuat persediaan yang rapi dari segi ilmu, kemahiran dan sikap. Menurut Ishak (1996), dengan persediaan yang menyeluruh ini, guru Pendidikan Islam dapat menjalankan peranan sebagai pembimbing yang bukan sahaja mengajar ilmu agama tetapi juga membentuk sahsiah dan membantu pelajar menghadapi cabaran hidup dengan lebih baik.

*“Saya ingat hampir 98% pelajar akan tengok kita (Guru Pendidikan Islam) dari kita jejak kaki ke sekolah sampailah kita balik. Dia boleh cerita dekat kita pasal guru-guru lain. Maknanya pelajar memerhati dan dia ambil contoh.”*

Petikan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar sentiasa memerhati dan mendengar setiap tingkah laku serta tutur kata guru Pendidikan Islam. Justeru, guru perlu memainkan peranan yang signifikan dengan mengaplikasikan teknik bimbingan, pengurusan emosi, serta pendekatan kaunseling yang bersesuaian dengan prinsip Islam agar setiap nasihat dan bimbingan yang disampaikan dapat diterima dengan hati yang terbuka dan memberi kesan positif kepada perkembangan sahsiah pelajar.

*“Komunikasi tu cara kita bercakap. Ada orang lemah lembut. Ada orang kasar. Tapi sebenarnya perlu lihat pada keadaan. Bergantung juga pada keadaan pelajar. Kadang-kadang kalau nak marah, perlu tunjukkan juga. Kadang-kadang kita bercakap macam kawan dia. Sekarang saya ada masuk group whatsapp pelajar. Saya dan pelajar sama-sama santai berbual apa yang nak dikongsi dan mendengar luahan mereka. Tapi kita kena selalu pantau dia. Kalau dia berkomunikasi dengan cara tak betul, saya akan bagi tahu benda tu salah dan dia tak boleh buat macam tu.”*

Temu bual ini menggambarkan kepentingan kemahiran komunikasi interpersonal yang baik dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Guru bukan sahaja perlu menyesuaikan gaya komunikasi mengikut keperluan situasi dan latar belakang pelajar, tetapi juga bijak mengimbangi antara ketegasan dan kelembutan dalam menyampaikan mesej. Pendekatan mesra seperti berbual secara santai melalui kumpulan WhatsApp menunjukkan keterbukaan guru dalam membina hubungan yang rapat dengan pelajar, namun dalam masa yang sama, guru perlu tegas dalam menetapkan batas dan membimbing pelajar apabila berlaku kesilapan. Oleh itu, kemahiran komunikasi interpersonal yang berkesan amat penting agar guru dapat menjadi pendengar yang empati, penyampai yang jelas, dan pembimbing yang dihormati, selari dengan matlamat untuk membentuk akhlak dan sahsiah pelajar mengikut acuan Islam.

Hal ini kerana kaunseling merupakan satu proses interaksi formal yang bertujuan memberikan sokongan dan panduan kepada individu yang berdepan dengan pelbagai isu serta cabaran dalam kehidupan mereka (Zakaria, Ahmad Jazimin, Zainab, 2010). Menurut Ulin Nihayah (2016),



dalam proses bimbingan kaunseling, komunikasi interpersonal memainkan peranan yang sangat penting kerana ia menjadi asas kepada terbinanya hubungan yang kukuh antara kaunselor dan individu yang dibantu. Seorang pembimbing perlu menguasai kemahiran ini terlebih dahulu. Hal ini kerana, melalui komunikasi yang berkesan, perbincangan yang mendalam dapat berlangsung dalam suasana yang harmoni dan penuh kepercayaan.

*“Kadang-kadang ada pelajar yang suka bercakap benda yang sama, tapi kita cuba untuk faham situasi pelajar. Mungkin dia betul-betul serius. Bila dia bercerita atau bertanyakan soalan, kita cuba letakkan diri kita dekat situasi pelajar. Lagi satu kalau kita nak beri nasihat dekat mereka, cuba dengan cara yang santai sebab mereka lagi seronok. Lagi satu bila kita rapat dengan mereka, sedikit sebanyak dapat memberikan kesan dan pengaruh kita kepada pelajar.”*

Situasi ini menunjukkan bahawa apabila guru bersedia untuk memahami keadaan dan keperluan pelajar, ia dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih selesa dan mesra. Guru yang menunjukkan empati dengan meletakkan diri dalam situasi pelajar serta memberi nasihat secara santai bukan sahaja membantu pelajar lebih mudah menerima teguran, malah turut membina hubungan yang positif. Kesediaan guru untuk mendengar dan menghargai pertanyaan berulang daripada pelajar mencerminkan keprihatinan yang tinggi, sekali gus meningkatkan kepercayaan pelajar dan pengaruh guru terhadap perkembangan diri mereka

Oleh itu, akan lahir persekitaran yang selesa yang membolehkan individu meluahkan perasaan dan berkongsi masalah dengan lebih terbuka, seterusnya memudahkan guru untuk memahami isu yang dihadapi serta merancang intervensi yang sesuai. Makanya, dalam setiap sesi bimbingan, kemahiran berkomunikasi secara empatik dan aktif perlu diberi keutamaan agar proses bimbingan berjalan dengan berkesan dan mencapai matlamat yang diharapkan.

*“Kita kena tahu latar belakang pelajar untuk faham emosi pelajar. Saya dengan pelajar ni jadi seperti kawan. Bila berbual pun saya suka secara santai supaya pelajar selesa dengan saya dan saya boleh memahami pelajar.”*


*“Kita ni ibarat satu keluarga, kalau mak ayah tak ambil tahu anak-anak mereka, kita sebagai kakak-kakak dan abang-abang (ustaz dan ustazah) ni perlu jaga adik-adik (pelajar) dari hilang punca. Jangan biarkan mereka rasa sunyi, emosi terganggu dengan masalah yang dihadapi.”*

*“Saya anggap pelajar saya macam anak-anak saya. Bila dengan pelajar ni, kita kena tunjukkan rasa kasih dan sayang serta kita cuba memahami mereka. Sebab mereka ni datang dari pelbagai peringkat sosioekonomi jadi kita kena menghargai setiap pelajar kita dan bersifat adil.”*

Dapatan temu bual ini jelas menunjukkan bahawa guru, khususnya Guru Pendidikan Islam, perlu bersedia memainkan peranan yang lebih mendalam dalam aspek emosi dan empati terhadap pelajar. Hubungan yang dibina berasaskan pendekatan mesra, santai dan penuh kasih sayang mewujudkan suasana yang selamat dan menyokong perkembangan emosi pelajar. Kesedaran guru terhadap latar belakang sosioekonomi pelajar membolehkan mereka bersikap lebih adil, memahami dan tidak menghakimi, sekali gus membantu pelajar merasa dihargai dan diterima. Peranan guru sebagai ‘kakak’, ‘abang’ atau ‘ibu bapa kedua’ ini menyerlahkan

keperluan untuk memiliki empati yang tinggi agar pelajar tidak berasa terpinggir atau kehilangan arah dalam menghadapi tekanan emosi.

Temu bual ini telah dijalankan bagi mendapatkan pandangan dan maklumat berkaitan dengan pelaksanaan serta cabaran pengajaran Pendidikan Islam di sekolah. Dapatan yang diperoleh merangkumi pengalaman guru, pendekatan pengajaran, sokongan yang diberikan, serta cadangan bimbingan. Berikut ialah ringkasan hasil temu bual tersebut:



**CARTA 1 : Peranan Guru Pendidikan Islam**

**Jadual 1: Ringkasan Dapatan Temu Bual Bersama Guru Pendidikan Islam**

<b>Tema Utama</b>	<b>Strategi/Amalan Guru</b>	<b>Tujuan/Kesan Terhadap Pelajar</b>
<b>Pembinaan hubungan mesra</b>	Memanggil nama pelajar, memberi tugas kecil dan memberikan pujian secara spontan	Meningkatkan motivasi, keyakinan diri dan rasa dihargai
<b>Keteladanan guru</b>	Menjaga tingkah laku dan mencontohi akhlak Rasulullah S.A.W.	Memberi teladan akhlak dan menjadikan guru sebagai ikon
<b>Pemantauan &amp; pemerhatian</b>	Menyedari pelajar sentiasa memerhati guru sejak tiba di sekolah	Meningkatkan kepekaan guru terhadap sahsiah diri
<b>Pendekatan komunikasi fleksibel</b>	Menggunakan nada lembut/tegas mengikut situasi, komunikasi melalui aplikasi <i>WhatsApp</i> secara santai	Mewujudkan saluran komunikasi terbuka dan berkesan
<b>Empati &amp; sensitiviti</b>	Fahami latar belakang pelajar, mendengar luahan, memberi nasihat secara santai	Menyokong emosi pelajar, membantu mengatasi tekanan
<b>Peranan keibubapaan (simbolik)</b>	Menganggap pelajar seperti anak/adik, memberi kasih sayang dan keadilan	Mewujudkan suasana kekeluargaan dan kepercayaan

Pada masa yang sama, guru Pendidikan Islam perlu mempunyai persediaan rapi untuk berdepan dengan pelbagai cabaran seperti perubahan sikap pelajar, pengaruh negatif globalisasi, kekangan masa, serta bebanan tugas yang semakin kompleks. Seperti yang dinyatakan oleh Zetty Nurzuliana et al. (2020), peningkatan masalah sosial dan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja menuntut agar guru mengaplikasikan pendekatan pedagogi yang lebih relevan dan terkini, termasuk penguasaan teknologi maklumat, bagi memudahkan proses pembelajaran dan membimbing pelajar dengan lebih berkesan. Proses bimbingan ini tidak terhad ketika sesi kaunseling sahaja bahkan boleh berlaku ketika proses pengajaran secara formal di dalam kelas.

Selain itu, Tengku Sarina Aini, Nur Eliza & Yusmini (2016) dan Aini Nasrin, et al. (2024) turut berpendapat bahawa guru Pendidikan Islam turut memainkan peranan dengan lebih proaktif dalam memperkasa kemahiran pedagogi, komunikasi, dan kecekapan digital agar dapat membimbing pelajar sesuai dengan perubahan zaman. Ini penting bagi membina ketahanan diri pelajar supaya tidak mudah terpengaruh dengan unsur negatif luar yang boleh merosakkan perkembangan peribadi dan akhlak.

Selain itu, kekangan masa dan beban tugas tambahan merupakan antara cabaran utama yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam, yang menuntut mereka untuk lebih cekap dalam pengurusan masa dan bijak merancang strategi pelaksanaan tugas. Menurut Mohd Zaidi, Ahmad Zabidi, dan Rafiza (2020), tekanan terhadap masa dan pertambahan tanggungjawab boleh menjejaskan keberkesanan guru dalam mendidik dan membimbing pelajar. Oleh itu, guru perlu sentiasa memperkemas keutamaan tugas, mengaplikasikan teknik pengurusan masa yang sistematik, serta mengamalkan pendekatan pengajaran yang fleksibel dan berfokus supaya mereka dapat menunaikan peranan mereka secara optimum walaupun berdepan pelbagai kekangan.

Syasya Karmila et al. (2024) turut menegaskan bahawa globalisasi dan digitalisasi membawa cabaran besar kepada guru Pendidikan Islam. Justeru itu, menjadi keperluan bagi guru Pendidikan Islam untuk sentiasa memperkasa diri dengan ilmu baharu, menguasai teknologi pendidikan, serta meningkatkan kemahiran bimbingan dan kaunseling yang lebih relevan berdasarkan panduan al-Quran dan Hadis bagi memenuhi keperluan pelajar masa kini. Dalam masa yang sama, sokongan berterusan daripada pihak sekolah, pentadbir dan agensi berkaitan amat penting untuk menyediakan ruang latihan dan pembangunan profesionalisme, agar guru dapat menjalankan peranan mereka secara lebih efektif dalam membentuk sahsiah pelajar secara holistik meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran masa kini. Pendekatan ini penting bagi memastikan bahawa pelajar tidak hanya cemerlang dari segi akademik, tetapi juga kukuh dari aspek akhlak, sahsiah, dan keimanan dalam menghadapi cabaran dunia global yang semakin kompleks.

Kesimpulannya, dengan persediaan yang menyeluruh, guru Pendidikan Islam bukan sahaja mampu menyampaikan ilmu akademik, malah dapat memainkan peranan penting dalam membentuk pelajar secara holistik merangkumi aspek jasmani, emosi, rohani, dan intelektual. Seorang guru yang bersedia dapat membimbing pelajar untuk mencapai kecemerlangan akademik sambil memupuk nilai murni, kekuatan mental, kestabilan emosi, dan ketakwaan kepada Allah. Justeru, guru yang berperanan sebagai pendidik dan pembimbing yang efektif akan menjadi ejen penting dalam melahirkan generasi yang seimbang, harmonis, dan mampu menghadapi cabaran dunia moden dengan berpegang pada nilai-nilai Islam.

### **Cadangan bagi Keberkesanan Guru Pendidikan Islam Sebagai Pembimbing**

Bagi memperkasa peranan Guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing, beberapa cadangan penambahbaikan boleh diberi pertimbangan. Cadangan ini dirumus berdasarkan hasil sorotan literatur dan dapatan temu bual yang saling melengkapi antara satu sama lain. Salah satu langkah penting dalam meningkatkan keberkesanan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing adalah dengan menyediakan latihan bimbingan yang lebih komprehensif. Adalah disarankan agar pihak Bahagian Pendidikan Guru terus membuka ruang dan peluang kepada guru dan sekolah untuk mengikuti pelbagai kursus serta program yang membina kemahiran penting yang perlu dimiliki oleh setiap pendidik. Latihan ini akan memberikan guru kemahiran untuk mengenal pasti dan menangani isu-isu yang dihadapi oleh pelajar, seperti masalah emosi, tekanan mental, serta cabaran sosial. Dengan penguasaan teknik-teknik bimbingan yang sesuai, guru dapat memberi sokongan yang lebih berkesan dalam membantu pelajar mengatasi masalah mereka.

Dalam masa yang sama, untuk memastikan pembangunan diri pelajar berkembang lancar secara holistik, kerjasama yang erat antara guru, pentadbir sekolah, dan ibu bapa sangat penting. Menurut Azizah, et al. (2013), kerjasama antara ibu bapa dan guru melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) diakui sebagai pemangkin kejayaan pelajar, termasuk dalam aspek akademik, kokurikulum, dan pembentukan sahsiah. Ini menunjukkan PIBG berperanan sebagai wadah permuafakatan untuk meningkatkan kualiti pendidikan melalui Pihak sekolah perlu melibatkan ibu bapa dalam setiap langkah yang diambil untuk memantau dan menyokong perkembangan pelajar. Ini termasuklah sesi perbincangan secara berkala mengenai kemajuan pelajar, cabaran yang dihadapi, dan tindakan yang perlu diambil bagi meningkatkan kesejahteraan pelajar. Kolaborasi ini dapat meningkatkan pemahaman bersama tentang keperluan pelajar dan memastikan pendekatan yang lebih holistik dalam membimbing mereka. (kaitkan cadangan ini dengan dapatan dari dua tema yang dibincangkan di atas)

Di samping itu, mengintegrasikan nilai-nilai Islam dalam model bimbingan adalah langkah yang penting untuk memastikan proses bimbingan tidak hanya tertumpu kepada aspek akademik, tetapi juga pembentukan akhlak dan rohani pelajar. Model bimbingan berasaskan suntikan psikoterapi Islam juga penting untuk diperkenalkan kepada guru-guru Pendidikan Islam dan diketengahkan bagi memastikan pendekatan bimbingan yang dilaksanakan lebih selari dengan nilai keagamaan serta mampu menangani isu spiritual, emosi dan sosial pelajar secara lebih holistik dan berkesan. Menurut Mubasyaroh (2013), sejak sekian lama, Islam telah menyediakan pendekatan psikoterapi dan kaunseling berasaskan sumber al-Quran dan as-Sunnah untuk merawat masalah psikologi. Antara kaedah yang digunakan adalah pengubatan jiwa melalui pendekatan psikoterapi Islam yang khusus. Menurut Zainab Ismail (2018), psikoterapi ini berperanan membantu individu menyelesaikan masalah, menghadapi cabaran hidup, memahami diri sendiri, serta mengenal pasti potensi dan minat pelajar.

Model bimbingan ini akan memberikan penekanan kepada nilai-nilai Islam seperti penghayatan ibadah, sabar, amanah, dan tolong-menolong, yang dapat membimbing pelajar untuk menghadapi pelbagai cabaran kehidupan dengan cara yang lebih positif dan penuh hikmah. Dengan pendekatan ini, guru dapat membantu pelajar berkembang secara menyeluruh, baik dalam aspek mental, emosi, dan rohani mereka

## Implikasi Kajian

Kajian ini memberikan beberapa implikasi penting yang boleh dijadikan panduan dalam memperkukuhkan peranan guru Pendidikan Islam di sekolah. Pertama, kajian ini menekankan betapa pentingnya usaha memperkasa peranan Guru Pendidikan Islam dalam mendidik pelajar secara holistik, meliputi aspek intelek, emosi, spiritual, dan sosial. Guru bukan sahaja bertanggungjawab menyampaikan ilmu, tetapi juga membentuk keperibadian pelajar agar seimbang dari segi akhlak dan sahsiah dalam menghadapi cabaran dunia moden.

Kajian ini turut menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam perlu sentiasa berusaha memenuhi keperluan pelajar dengan memahami dan menghayati nilai, bersedia menjalankan fungsi bimbingan agar dapat memberikan impak yang besar terhadap pembinaan akhlak dan pembangunan sahsiah pelajar serta mampu mengatur strategi bagi menghadapi cabaran. Dengan pendekatan yang berkesan, guru mampu membantu pelajar memperkukuh jati diri, membentuk nilai-nilai murni, serta meningkatkan ketahanan emosi dan rohani dalam menghadapi pengaruh negatif dari persekitaran.

Di samping itu, penghasilan guru yang berkemahiran dalam aspek bimbingan dan kaunseling Islam perlu diberi perhatian serius dalam latihan perguruan dan pembangunan profesional berterusan. Ini penting bagi memastikan kesinambungan usaha dalam membina generasi pelajar yang berakhlak, berilmu, serta mampu menyumbang kepada masyarakat dan negara secara positif.

Kajian ini turut memberikan implikasi penting kepada beberapa pihak lain. Bagi institut perguruan, terdapat keperluan untuk memperkasakan program latihan guru dengan memberi penekanan khusus kepada aspek bimbingan, kemahiran kaunseling berlandaskan prinsip Islam, serta pementapan sahsiah guru itu sendiri. Seterusnya, masyarakat perlu lebih menghargai peranan guru Pendidikan Islam sebagai pembimbing akhlak dan sahsiah, di samping memberi sokongan padu dalam usaha membentuk pelajar yang seimbang dari segi emosi, spiritual dan sosial. Bagi pihak-pihak yang terlibat seperti sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), adalah penting untuk merangka dasar, program serta inisiatif yang lebih menyeluruh dalam menyokong peranan guru, selain menyediakan sumber latihan dan pembangunan profesional yang mencukupi untuk membantu guru menghadapi cabaran pendidikan abad ke-21.

## Kesimpulan

Secara keseluruhan, guru Pendidikan Islam memainkan peranan yang penting bukan sahaja sebagai pengajar, tetapi juga sebagai pembimbing yang bertanggungjawab dalam pembangunan diri pelajar. Dengan meningkatnya cabaran yang dihadapi oleh pelajar, terutamanya dalam era globalisasi yang penuh dengan pelbagai pengaruh, guru perlu memainkan peranan yang lebih proaktif dalam membimbing mereka. Keberkesanan pendidikan bukan hanya terletak pada penyampaian ilmu, tetapi lebih kepada kemampuan guru untuk membina hubungan yang rapat dengan pelajar, serta memberikan sokongan emosi dan rohani yang diperlukan.

Namun begitu, tugas ini tidak mudah dan penuh dengan cabaran. Guru perlu memahami secara mendalam keperluan pelajar yang berbeza-beza, serta bersedia untuk menangani pelbagai isu seperti ketidakseimbangan emosi dan rohani, gejala sosial, dan tekanan akademik. Selain itu, penguasaan kemahiran kaunseling dan pendekatan yang berlandaskan nilai Islam amat penting dalam memastikan pelajar bukan sahaja cemerlang di sekolah, tetapi juga berkembang menjadi individu yang berakhlak mulia dan berdaya tahan dalam menghadapi cabaran kehidupan.

Berdasarkan dapatan kajian ini, jelas menunjukkan bahawa untuk memastikan keberkesanan peranan guru sebagai pembimbing, kesediaan mereka untuk memahami pelajar dan menghadapi cabaran yang ada sangatlah penting. Justeru, guru Pendidikan Islam perlu sentiasa mengasah kemahiran dan memperkasa diri dalam aspek kaunseling dan bimbingan agar mereka mampu memberi panduan yang berkesan dalam membantu pelajar mencapai keseimbangan dalam kehidupan. Oleh itu, pendidikan agama yang berterusan dan penuh perhatian bukan sahaja membentuk pelajar dari segi intelek, tetapi juga membina sahsiah yang utuh, sekali gus menyumbang kepada masyarakat yang lebih harmoni.

### Penghargaan

Penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) kerana telah menyokong penyelidikan ini. Kertas kerja ini merupakan hasil daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Geran Khas Penyelidikan (GKP)-UMG018L-2024.

### Rujukan

- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Abdul Halim Hj Mat Diah. (1989). *Islam dan Demokrasi Pendidikan*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Ahmad, M. Y. (2004). *Falsafah dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Agung Setiyawan. (2017). *Konsep Pendidikan Menurut Al-Ghazali dan Al-Farabi*. Yogyakarta: Universiti Islam Negeri Sunan Kalijaga.
- Ahmad Fazullah Mohd. Zainal Abidin. (2007). *Modal Insan: Konsep Aplikasi dan Isu Kontemporari dalam Cabaran Pemeraksanaan Tamadun Insan*. Kuantan: Universiti Malaysia Pahang.
- Aini Nasrin, A., Nur Amanina, A., Syasya Karmila, R., & Syed Najihuddin, S. H. (2024, Julai). Isu dan Cabaran Pendidikan Islam Era Digitalisasi Maklumat dan Solusi Berdasarkan Panduan Quran dan Hadis. dalam *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan Kali Ke-9 (PASAK9 2024)* (e-ISSN: 2811-4051). Universiti Sains Islam Malaysia.
- Alias, N., & Ismail, M. (2019). *Pendidikan Remaja dalam Pusat Pemulihan: Mencari yang Ditinggalkan* (Laporan Penyelidikan). Universiti Sains Malaysia, 16-23.
- Bernamea. (2025, Mac 7). 27.4 Peratus Penduduk Malaysia Kanak-Kanak Remaja Bawah 18 Tahun. Diperoleh daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/274-peratus-penduduk-malaysia-kanakkanak-remaja-bawah-18-tahun-444233>
- Diyah Armenia, Mulyanto, & Yetty Faridatul Ulfa. (2023). Peran Guru Pendidikan Agama Islam Sebagai Fasilitator dalam Pembelajaran Aqidah Akhlak di Madrasah Tsanawiah. *Jurnal Al-Mau'izoh*, 5(2), 546.
- Ganasan, H. M., & Azman, N. (2021). Kesihatan Mental dan Motivasi Pelajar Semasa Pembelajaran Dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 25–40
- Ishak, B. A. (1996). Tanggapan Guru Pembimbing Terhadap Kursus Penyeliaan Latihan Mengajar Di Maktab Perguruan Islam (Projek Sarjana, Universiti Pertanian Malaysia).
- Jamaludin, N. A., & Ismail, N. (2023). Program pemulihan akhlak remaja delinkuen di pusat pemulihan akhlak di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam*, 16(1), 22–41. <https://doi.org/10.53840/jpi.v16i1.236>

- Jenayah dalam Kalangan Pelajar Masih Membimbangkan. (2019, November 11). Diperoleh 22 Mac 2025, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/11/627250/jenayah-dalam-kalangan-pelajar-masih-membimbangkan>
- Power, J. (2012). The Effect Of Implementing School-Wide Positive Behavior Interventions And Supports on Student Misbehavior in A Large Urban High School (Tesis Kedoktoran, Liberty University).
- Maisarah. (2023, Oktober). Seorang daripada 4 Remaja Alami Kemurungan. *Utusan Malaysia* Diperoleh pada 10 April 2025, <https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/seorang-daripada-4-remaja-alami-kemurungan/>
- Mohd Rapini, A., Mohamad, A. N. A., Mak Din, H. A., Mokter, M., Ismail, A. Z., & Ahmad Sokri, M. E. (2013). Peranan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan Keberkesannya dalam Sistem Pendidikan Islam Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) di Selangor. *Jurnal Pendidikan dan Pengajaran Islam*, 1(4), 105–113.
- Mohd Zeki, M. Z., Abdul Razak, A. Z., & Abd. Razak, R. (2020). Cabaran Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman: Bersediakah dalam Melaksanakan KBAT, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 8(1), 11.
- Mubasyaroh. (2017). Pendekatan Psikoterapi Islam dan Konseling Sufistik dalam Menangani Masalah Kejiwaan. *Jurnal Bimbingan dan Kaunseling Islam*, 8(1), 195.
- Halim, N., Rahman, S., & Surat, S. (2024). Kemurungan dan Motivasi Belajar Murid. *Malaysian Journal Of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 9(6).
- Nor Hafizah, Et Al. (2018). Psikoterapi Islam Menurut Al-Qur'an dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Tekanan Pesakit Kanser Payudara. *Journal Of Social Science and Humanities*, 13(2), 135.
- Omardin Ashaari. (2002). *Pengurusan Sekolah: Suatu Panduan Lengkap*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rashed, Z. N., Hamzah, H., Zakaria, N. S., & Sani, K. (2020). Cabaran dan Strategi Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Era Revolusi 4.0. *Prosiding Persidangan*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Razali, S. K. M., & Azman, N. (2021). Pembelajaran dalam Talian Sepanjang Pandemik Covid-19: Faktor Akses Internet dan Sosioekonomi Terhadap Motivasi Pelajar Kolej Komuniti. *Malaysian Journal Of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 1–14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1162>
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2009). *Standard Guru Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syafiqah Solehah Ahmad, Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). Peranan Guru Pendidikan Islam dalam Pembinaan Sahsiah Pelajar: Satu Tinjauan Awal Terhadap Guru Pendidikan Islam di Daerah Marang, Terengganu. *Journal Of Islamic Educational Research (JIER)*, 2(Special Issue), 36–53.
- Syafiqah Solehah Ahmad. (2021). Personaliti Guru Pendidikan Islam dan Hubungannya dengan Pengamalan Akhlak Pelajar: Satu Kajian di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Marang, Terengganu (Tesis Ijazah Sarjana, Program Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Tengku Kasim, T. S. A., Mohd Noor, N. E., & Md. Yusoff, Y. (2022). Cabaran Guru dalam Pembinaan Sahsiah Murid Melalui E-Pembelajaran Pendidikan Islam. *Sains Insani*, 63–71.
- Ulin Nihayah. (2016). Peran Komunikasi Interpersonal untuk Mewujudkan Kesehatan Mental bagi Konseling. *Islamic Communication Journal*, 1(1), 30.
- Zainab Ismail. (2018). Kaunseling Online dalam Dunia Terhubung. *Jurnal Al-Hikmah*, 10(2), 89.

Zakaria, A. J., & Zainab. (2010). Faktor Pemilihan dan Peranan Teori Kaunseling Kaunselor di Kuala Lumpur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 13, 58.